

Headline	YPC uji kemampuan pelajar di FRIM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	196 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,866
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,598



## YPC uji kemampuan pelajar di FRIM

SERAMAI 108 pelajar semester tiga program Foundation in Business, Kolej Antarabangsa Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) menyertai aktiviti sihat di **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** anjuran pihak kolej.

Aktiviti yang menguji mental dan fizikal itu dilaksanakan pada pertengahan semester menjadi kayu ukur kepada kemampuan setiap pelajar.

Dalam program itu, pelajar dibahagi kepada empat kumpulan, setiap kumpulan dipimpin seorang pegawai perhutanan FRIM.

Pelajar dibawa menjelajah ke dalam hutan dan diberi penerangan mengenai flora dan fauna. Mereka didedahkan dengan ilmu pengetahuan berkaitan alam semula jadi. Perjalanan mengambil masa kira-kira 45 minit.

Selepas penjelajahan hutan, pelajar kemudian dibahagikan pula kepada 24 kumpulan, setiap kumpulan terdiri daripada empat hingga lima pelajar untuk aktiviti *treasure hunt*. Kumpulan itu diberi panduan peta dan soalan.

Aktiviti tersebut berlangsung selama sejam.

Selepas penat dengan aktiviti hutan, pelajar berjalan kaki menuju ke kawasan air terjun bagi merehatkan badan. Mereka diberi masa untuk berehat, makan, bersolat, bergambar serta bermandi manda sementara menanti bas tiba untuk pulang ke kampus.

Pengetua kolej, Datuk Dr Noel Robert berkata, aktiviti ini mencapai objektifnya dalam menuntut kekuatan mental, fizikal dan stamina pelajar.

"Komunikasi yang baik dalam kalangan pelajar menghasilkan kerjasama kumpulan dalam menjayakan aktiviti di hutan," katanya.

Peserta Program, Ismail Abdul Manap berkata, penglibatan dalam aktiviti hutan seperti ini satu pengalaman menyeronokkan.

Pensyarah, Suriza Noor Fahmi Hashim berkata, pelajar perlu didedahkan dengan aktiviti seperti ini untuk melatih mereka bekerjasama dalam kumpulan, dan disiplin tinggi.



Sebahagian daripada 108 pelajar YPC yang berjaya menyempurnakan aktiviti riadah di FRIM.